

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
27 MAC 2014**

**1. NOTIS E CUKAI TAKSIRAN DAN OPERASI SERAHAN WARAN
TAHANAN**

Saya disini ingin memaklumkan bahawa Notis E cukai taksiran mula diterima oleh pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran pada 24 Mac 2014. Pemilik premis diminta menjelaskan tunggakan cukai taksiran dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh notis tersebut. Ini bagi mengelakkan pemilik premis daripada dikenakan waran tahanan dan sitaan harta alih oleh MPSP.

Adalah dimaklumkan juga bahawa operasi waran tahanan dan sitaan harta alih akan bermula pada pertengahan bulan April 2014. Diharapkan pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan, hendaklah **SEGERA** membuat bayaran di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau secara online di laman web MPSP.

2. LESEN PENGANJURAN PASAR RAMADHAN 2014/1435H

Permohonan untuk **lesen Penganjur Pasar Ramadhan** akan mula dibuka pada **1 April 2014 (Bersamaan 1 Jamadilakhir 1435H)** dan tarikh tutup permohonan adalah pada **30 April 2014**.

Borang-borang untuk penganjur Pasar Ramadhan boleh diperolehi mulai **1 April 2014** di :-

- 1) Kaunter Berpusat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda.
- 2) Kaunter MPSP Cawangan Butterworth di Jalan Dato' Haji Ahmad Said.
- 3) Kaunter MPSP Cawangan Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan.

Borang-borang akan diproses oleh Jabatan Pelesenan dan keputusan permohonan akan mula dikeluarkan pada atau **sebelum 30 Mei 2014 (Jumaat)**. Taklimat kepada penganjur dijadualkan akan diadakan pada **awal bulan Jun 2014**. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MPSP ditalian no. 04-5497685 / 04-5497682.

3. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada hari Ahad 6 April 2014. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 20 April 2014 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 27 April 2014 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

4. KEMPEN EARTH HOUR 2014

Dimaklumkan bahawa Earth Hour 2014 akan diadakan pada 29 Mac 2014 (Sabtu). Ia biasanya disambut pada hari Sabtu terakhir pada bulan Mac, yang mahukan kediaman, pejabat dan premis perniagaan untuk mematikan lampu dan peralatan elektrik yang tidak digunakan selama satu jam adalah sebagai usaha untuk menjimatkan tenaga di seluruh dunia. Sehubungan itu, kerjasama tuan / puan untuk memadamkan lampu - lampu exterior (luar bangunan ataupun lampu perhiasan) dan **bukannya menutup lampu keseluruhan bangunan (*blackout*) sepenuhnya** di premis masing-masing **pada 29 Mac 2014 (Sabtu) mulai jam 8:30 malam**

hingga 9:30 malam. Pihak tuan / puan juga adalah dipohon untuk mengambil langkah-langkah keselamatan bagi memastikan keselamatan awam di kawasan bangunan tuan / puan semasa pemadaman lampu di lakukan. Kerjasama yang diberikan di dalam menjayakan program ini didahului dengan ucapan terima kasih.

SEKIAN, TERIMA KASIH.